

## Sektor swasta disyor wajibkan vaksin, bendung jangkitan

Oleh Prof Madya Dr Mohd Dzulkhairi Mohd Rani dan Prof Madya Dr Nurul Azmawati Mohamed - Oktober 11, 2021

@ 11:30am

bhrencana@bh.com.my



Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengeluarkan kenyataan mewajibkan semua pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan mengambil vaksin.

Ramai menyokong tindakan ini tetapi ada juga dalam kalangan anggota masyarakat mempersoalkannya kerana dilihat sebagai ekstrem dan tidak popular bagi sesebuah kerajaan.

Rantai jangkitan boleh diputuskan sekiranya semua individu mendapatkan vaksin dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) mencegah jangkitan COVID-19 ditetapkan. Pengurangan kadar jangkitan juga berupaya mengurangkan potensi virus terus bermutasi dan menghasilkan varian baharu lebih ganas.

Individu tidak mengambil vaksin bukan saja berisiko mendapat jangkitan teruk, malah turut boleh menyebarkan jangkitan kepada orang lain. Disebabkan ketiadaan antibodi dalam badan dan sel imun dilatih untuk melawan virus penyebab COVID-19, virus dapat membiak dengan banyak dalam kalangan mereka yang tidak mendapat vaksin dan seterusnya mencemari udara dan persekitaran.

Keadaan ini menyebabkan rakan sekerja yang tidak boleh divaksin disebabkan masalah kesihatan berisiko mendapat jangkitan dan komplikasi teruk. Lebih membahayakan sekiranya skop pekerjaan individu berkenaan membabitkan interaksi bersemuka dengan orang awam.

Pekerja tidak mengambil vaksin juga berisiko untuk dipulaukan atau disisihkan rakan sekerja. Ini kerana mereka dianggap sebagai satu 'ancaman' dan boleh memudaratkan orang lain. Keadaan ini sudah tentu mengganggu emosi pekerja dan menjejaskan prestasi kerja.

Hakikatnya, mewajibkan vaksinasi antara kaedah bagi memastikan tempat kerja selamat daripada menjadi pusat penyebaran wabak. Ketetapan ini juga dilihat selari dengan harapan kerajaan ke arah pembukaan penuh sektor awam sesuai dengan fasa ditentukan dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Langkah ini juga dilihat bertujuan memberikan keyakinan dan jaminan kepada orang awam dan memastikan kelancaran penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat.

Kita dapat lihat daripada data sedia ada, tempat kerja menyumbang kepada banyak kes COVID-19 di negara kita. Adalah munasabah sekiranya majikan termasuk JPA mengenakan syarat ini dan hanya individu lengkap vaksin dibenarkan masuk ke premis kerajaan serta menghalang individu belum menerima vaksin daripada masuk ke premis mereka.

Ini langkah yang diambil bagi membendung penyebaran wabak COVID-19 di tempat kerja, seterusnya menjangkiti komuniti.

Tindakan kakitangan awam dalam perkhidmatan Persekutuan yang enggan mengambil vaksin juga boleh memberikan kesan negatif kepada perkhidmatan dan imej sebagai penjawat awam.

Memetik Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Peraturan 3A, adalah menjadi "kewajipan bagi setiap individu mematuhi peraturan-peraturan ditetapkan dan mana-mana pegawai melanggarnya boleh dikenakan tindakan tatatertib".

Memandangkan tempoh diberikan kepada pegawai untuk mendapat vaksin adalah cukup, mewajibkan kakitangan layak dan cukup syarat untuk mengambil vaksin adalah bertepatan pada masanya.

Bagi kakitangan swasta pula, seperti sektor perkhidmatan awam, majikan bertanggungjawab untuk memastikan tempat kerja di bawah tanggungjawabnya adalah selamat.

Mewajibkan pekerja dan semua orang yang ingin masuk ke premis serta berurusan dengan pihak swasta ini mendapat vaksin adalah antara cara menjamin keselamatan tempat kerja dan kesihatan semua terbabit dalam menjalankan tugas serta mendapatkan perkhidmatan.

Pekerja enggan mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994 kerana menyebabkan suasana tempat kerja tidak selamat.



Antara tujuan utama AKKP 1994 adalah untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja di tempat kerja terjamin daripada sebarang risiko keselamatan serta kesihatan akibat aktiviti kerja dijalankan.

Menurut Seksyen 15 dan 16 akta sama, majikan memiliki kuasa membuat dasar keselamatan serta kesihatan bagi memastikan keselamatan di tempat kerja. Majikan mempunyai hak mengikut Seksyen 15 dan 16 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 untuk melindungi pekerja yang sudah menerima vaksin dengan memastikan tempat kerja adalah selamat untuk semua.

Akta itu juga memperuntukkan kuasa seorang pegawai keselamatan dan kesihatan dilantik untuk memastikan tempat kerja adalah selamat.

Bagi menjayakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dan pada masa sama memastikan tempat kerja serta persekitaran kerja selamat, sesi kaunseling dicadangkan untuk diberikan kepada individu belum mengambil vaksin.

Semua panel kaunseling dianggotai doktor perubatan, pakar agama dan pentadbiran institusi atau organisasi boleh menggerakkan peranan mengenal pasti punca, seterusnya memberikan penjelasan kepada individu terbabit.

Kaunseling atau perbincangan hati ke hati sebegini mampu merungkai persoalan atau kemusykilan menghalang seseorang daripada mengambil vaksin.

Antara kesan daripada ketetapan Jabatan Perkhidmatan Awam bagi mewajibkan pengambilan vaksin dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Persekutuan ini adalah untuk mengelak penularan di tempat kerja. Selain itu, ketidakhadiran pekerja akibat jangkitan COVID-19 dan arahan kuarantin dapat dikurangkan dengan ketetapan baharu ini.

Arahan ini juga dijangka dapat meningkat produktiviti dan kualiti perkhidmatan, seterusnya meningkatkan perhubungan antara majikan dengan sektor lain berkepentingan. Adalah menjadi kewajipan bagi kita semua untuk sentiasa meningkat imej organisasi kita di samping mendukung agenda kebangsaan dalam melawan pandemik COVID-19.

**Mohd Dzulkhairi adalah Pakar Perubatan Kesihatan Awam Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), manakala Nurul Azmawati adalah Pakar Mikrobiologi Klinikal USIM**